



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

REBUT FADHILAT BERZIKIR SELEPAS SEMBAHYANG

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

- Membaca ayat 19 surah Ali-'Imran:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

(19 :)

Tafsirnya: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.*”

(Surah Ali 'Imraan: 19)

Keterangan: Ayat tersebut adalah merupakan perkhabaran Allah Ta'ala bahawa tiada agama yang benar dan diredhai di sisiNya melainkan agama Islam. Maka dengan membaca ayat tersebut akan lebih menekankan di dalam hati bahawa agama Islam itu adalah agama yang sebenar-benarnya.

- Membaca ayat 26-27 surah Ali-'Imran:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ
 وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾ تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ
 النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ
 بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

(27-26 :)

Tafsirnya: “Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): “Ya Allah Tuhan yang mempunyai Kuasa pemerintahan! Engkau yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan tersebut daripada sesiapa yang engkau kehendaki, dan Engkau jugalah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Di tanganMu (kekuasaanMu) jualah adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

“Engkaulah (ya Tuhan) yang memasukkan malam ke dalam siang dan Engkaulah yang memasukkan siang ke dalam malam. Dan Engkau jugalah yang mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan Engkaulah yang mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. Dan Engkau jugalah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dengan tidak ada hitungan hisabnya.”

(Surah ali-‘Imraan: 26-27)

Keterangan: Ayat dari surah Ali ‘Imran ini juga dianjurkan untuk dibaca selepas sembahyang.

- Membaca surah al-Ikhlas, surah an-Nas dan surah al-Falaq:

Anjuran membaca *al-Mu‘awwizat* ini selepas sembahyang ada disebutkan di dalam beberapa hadits, antaranya:

()

Maksudnya: *“Daripada ‘Uqbah bin ‘Amir dia berkata: “Rasullullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah menyuruh aku supaya membaca al-Mu‘awwizat iaitu (ayat atau zikir pelindung) sejurus selepas sembahyang.”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Al-Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta‘ala* berkata, al-*mu‘awwizat* yang dimaksudkan di dalam hadits di atas ialah surah *al-Ikhlās*, surah *al-Falaq* dan surah *an-Naas*.

Kelebihan membaca *al-Mu‘awwizat* ada disebutkan dalam sebuah hadits sebagaimana diriwayatkan daripada Abdullah bin Khubaib *Radhiallahu ‘anhu* berkata:

()

Maksudnya: *“Kami telah keluar pada satu malam yang sangat gelap dan hujan sangat lebat, kemudian Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam meminta kami bersembahyang bersama Baginda, kemudian (selepas sembahyang) Baginda menjumpai kami dan bersabda: “Bacalah!”, “Namun aku tidak membaca sesuatu.” Kemudian nabi bersabda lagi: “Bacalah!”, “Namun aku tidak membaca sesuatu.” Kemudian nabi bersabda lagi: “Bacalah!”, “Maka akupun berkata: “Wahai Rasullullah, apa yang perlu aku baca?, Baginda bersabda: “Bacalah () dan*

() ketika di waktu petang dan pagi sebanyak tiga kali, nescaya akan memelihara kamu daripada segala sesuatu.”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Selain itu, membaca surah *al-Ikhlās* ini sahaja juga mengandungi kelebihan sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

:

:

()

Maksudnya: “Adakah salah seorang daripada kamu tidak mampu membaca pada satu malam satu pertiga *al-Qur’an*? Mereka berkata: Bagaimana membaca satu pertiga *al-Qur’an* itu? Nabi menjawab: Bahawa () menyamai dengan satu pertiga *al-Qur’an*.”

(Hadits riwayat Muslim)

Mengenai *al-Mu‘awwizatan* iaitu surah *al-Falaq* dan surah *an-Nas* al-Imam Ibnu Hajar *Rahimahullahu ‘ta‘ala* berkata dalam kitab *al-Mishkat* (): tiada sesuatu yang lebih memberi kesan pada menghilangkan sihir dalam menolak kesannya melainkan melazimkan membaca dua surah itu, apatah lagi lepas tiap-tiap sembahyang fardhu yang lima, sebagaimana telah mujarab dibuat bagi menolak kesan sihir itu.

- Membaca:

Keterangan: Bertasbih, bertahmid dan bertakbir selepas sembahyang mengikut riwayat boleh dibuat sebanyak 33 kali dan boleh juga sebanyak 10 kali.

Anjuran membacanya sebanyak 33 kali itu disebutkan dalam sebuah hadits bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Barang siapa bertasbih kepada Allah setiap kali selepas sembahyang sebanyak 33 kali, dan bertahmid sebanyak 33 kali dan bertakbir kepada Allah sebanyak 33 kali, kemudian untuk mencukupkan 100 kali, Dia membaca:*

(. *diampunkan dosanya walaupun sebanyak buih di laut.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Anjuran membacanya sebanyak 10 kali itu juga disebut dalam riwayat hadits yang lain bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *“Dua perkara atau dua hal yang bila seorang hamba yang muslim memeliharanya pasti ia akan masuk syurga, keduanya mudah, namun orang yang mengamalkannya sedikit; iaitu (pertama) bertasbih pada akhir setiap sembahyang sepuluh kali, bertahmid sepuluh kali, dan bertakbir sepuluh kali, maka 150 dengan lidah itu (menjadi) 1500 dalam timbangan.*

Dan (yang kedua) bertakbir 34 kali sebelum tidur, bertahmid 33 kali, dan bertasbih 33 kali, maka 100 dengan lidah itu (menjadi) 1000 pada timbangan.

Maka sesungguhnya saya melihat Rasullullah Sahallallahu ‘alaihi wasallam menghitung dengan jari Baginda. Maka mereka berkata: “Wahai Rasullullah, kenapakah keduanya itu mudah sedangkan orang yang mengamalkannya sedikit?” Baginda bersabda: “Telah datang kepada salah seorang daripada kamu yakni syaitan di tempat tidurnya, maka ia akan menidurkannya sebelum mengucapkannya, dan telah datang (syaitan) dalam sembahyangnya, maka ia (syaitan) mengingatkannya akan (suatu) hajat sebelum dia mengucapkannya.”

(Hadits riwayat Abu Daud)

Maka sebagai kesimpulan, apapun bentuk zikir itu dan bila masanya dianjurkan membacanya setentunya mempunyai kelebihan yang tersendiri. Begitulah juga dengan zikir-zikir yang dianjurkan membacanya setiap kali selepas sembahyang mengandungi bermacam-macam kelebihan berdasarkan hadits-hadits yang menerangkannya. Oleh itu sewajarnya kita

menanamkan azam untuk mengamalkan zikir-zikir selepas sembahyang ini secara konsisten dan berterusan. Maka dengan mengamalkan zikir selepas sembahyang khususnya di masjid-masjid, para imam dan makmum yang ikut berzikir akan meraih kelebihan yang disebutkan sebelum ini.